



18 Mei 2012

Periuk dadah RM1.29 juta

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

SEPANG: Seorang lelaki warga India yang memasuki negara ini buat kali ketiga bersama serbuk 'putih' disembunyi di dalam 24 periuk tahan karat dibawanya gagal meloloskan diri apabila ditangkap sepasukan penguat kuasa kastam sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah Kastam KLIA, Badaruddin Mohamed Rafik berkata, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan ketika dia cuba melepassi kawalan kastam pada pagi Sabtu lalu, selepas melalui penerbangan dari India ke Singapura sebelum tiba di KLIA.

"Suspek membawa dua kotak kertas yang berisi 24 periuk tahan karat, mangkuk bertutup, cawan dan bekas menyimpan makanan bertangkai. Pemeriksaan rapi ke atas suspek dan semua barang dibawa mendapati 24 periuk berkenaan ada dua lapisan dan sebaik dibuka ada sebungkus kain mengandungi serbuk putih dipercayai dadah.

"Ia disorokkan dalam setiap lapisan itu. Ujian terhadap serbuk putih itu mendapati ia jenis syabu atau methamphetamine, seberat 5.17 kilogram (kg) bernilai RM1.29 juta," katanya di Kompleks Kastam KLIA, semalam.

Badaruddin berkata, pada hari sama seorang lelaki Nigeria berusia 26 tahun yang mendakwa masih belajar di Kuala Lumpur turut ditahan selepas mendapati dia membawa 1.1kg syabu bernilai RM275,000 di dalam sebuah beg tarik.

"Dia yang pernah dua kali datang ke negara ini ditahan penguat kuasa kastam KLIA pada jam 9.25 malam selepas imbasan menunjukkan imej meragukan," katanya. Beliau berkata, penguatkuasa kastam KLIA turut menahan dua lagi suspek membabitkan warga India berusia 28 tahun dan Nigeria berusia 39 tahun, masing-masing ditahan secara berasingan selepas didapati cuba menyeludup masuk dadah pada 29 April dan 5 Mei lalu.

"Lelaki India itu tiba melalui penerbangan dari Mumbai, jam 2 petang hari berkenaan dan pernah dua kali memasuki negara ini. "Imbasan pada bagasi dibawa menunjukkan imej meragukan dan pemeriksaan seterusnya mendapati ada satu ruang di bawah bagasi yang digunakan untuk menyorok Ketamine seberat tiga kg bernilai RM120,000," katanya.